KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN**

# PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2015

## PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

**SEJARAH**

**Kertas 3**

**Tema Umum**

1. *Kertas soalan ini mengandungi satu* **Tema Umum.**
2. *Calon dikehendaki membaca dan meneliti* **Tema Umum** *tersebut dan membuat persediaan awal sebelum hari peperiksaan.*
3. *Kertas soalan ini mestilah diberikan kepada calon* **enam minggu** *sebelum tarikh peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi **3** halaman bercetak.

## ARAHAN KEPADA GURU

1. Guru hendaklah memastikan **Tema Umum** diberikan kepada calon **enam minggu** sebelum tarikh peperiksaan.
2. Guru hendaklah menerangkan kepada calon tentang **Tema Umum** supaya calon membuat persediaan untuk menjawab soalan bagi **Tugasan Spesifik** dalam Sejarah 1249/3 yang akan diberikan pada hari peperiksaan.
3. Guru dibenarkan untuk membimbing calon dalam penyediaan dan pemilihan bahan rujukan sebelum hari peperiksaan.
4. Guru hendaklah menasihati calon memilih bahan rujukan yang sesuai dan mengenal pasti kedudukan setiap maklumat di dalam sumber supaya tidak membuang masa untuk mencari maklumat pada hari peperiksaan.
5. **Guru dilarang sama sekali menyediakan jawapan kepada calon dalam apa-apa bentuk sekali pun.**
6. Guru hendaklah menasihati calon agar membuat salinan sumber maklumat berkaitan yang diperoleh daripada buku ilmiah, majalah dan surat khabar untuk menjimatkan ruang di atas meja pada hari peperiksaan.

## ARAHAN KEPADA CALON

1. Calon dikehendaki membaca dan meneliti **Tema Umum** dan membuat persediaan awal sebelum hari peperiksaan.
2. Calon boleh berbincang dengan guru dan rakan-rakan untuk mendapat dan mengumpulkan maklumat berkaitan.
3. Calon boleh membuat rujukan daripada pelbagai sumber yang berkaitan dengan Tema Umum yang diberi sebagai persediaan menjawab soalan bagi **Tugasan Spesifik** dalam Sejarah 1249/3.
4. Calon boleh mendapatkan sumber maklumat daripada buku teks, bahan bacaan ilmiah, akhbar, internet dan bahan-bahan lain yang berkaitan.
5. Calon dibenarkan membawa masuk dokumen seperti buku teks, bahan bacaan ilmiah, nota bertulis atau bahan fotostat dan bahan bercetak ke dalam dewan/bilik peperiksaan.
6. Calon **tidak dibenarkan sama sekali** membawa alat atau peranti elektronik ke dalam dewan/bilik peperiksaan.
7. Penggunaan bahan rujukan semasa peperiksaan hendaklah tidak mengganggu calon lain.

**Tema Umum: Pembangunan dan Perpaduan Untuk Kesejahteraan**

Perpaduan adalah isu yang sentiasa diberikan perhatian serius oleh kerajaan. Tanpa perpaduan yang kukuh akan memungkinkan berlakunya konflik perkauman yang boleh menjejaskan keharmonian hidup masyarakat dan keselamatan, seterusnya kemajuan dan pembangunan negara.

*- Berita Harian, 21 April 2014 -*

**KERTAS SOALAN TAMAT**